

## AGIHAN MANFAAT WAKAF: MAJLIS AGAMA ISLAM NEGERI SEBAGAI “NAZIR” WAKAF MENURUT PERSPEKTIF SYARIAH

*Afrah Munira Yusof*

Jabatan Syariah, Fakulti Pengajian Islam dan Sains Sosial,  
Universiti Sultan Azlan Shah, Bukit Chandan 33000, Kuala Kangsar, Perak.

E-mail: [afrah@usas.edu.my](mailto:afrah@usas.edu.my)

---

### ABSTRAK

Harta wakaf dilihat sangat berharga untuk umat Islam dan wajar ia dibangunkan sepenuhnya. Pembangunan ini adalah untuk meneruskan kelangsungan wakaf dalam memberi manfaat kepada masyarakat melalui hasil wakaf yang diagihkan secara terancang. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti hukum berkaitan agihan manfaat wakaf menurut syariat dan amalannya dalam dunia Islam. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif iaitu analisis kandungan bahan bacaan berkaitan agihan manfaat wakaf menurut perspektif Syariah. Dapatan kajian menunjukkan bahawa agihan manfaat wakaf dapat direalisasikan secara optimum dengan kewujudan institusi pentadbir wakaf yang efisien serta menepati garis panduan yang ditetapkan syariat. Kajian ini dapat membantu masyarakat faham tentang kepentingan kewujudan institusi pentadbiran wakaf iaitu MAIN bagi memastikan kelangsungan agihan manfaat wakaf di Malaysia.

**Kata Kunci:** Agihan, Wakaf, MAIN, Syariah, Pentadbir, Nazir

### ABSTRACT

Waqf property is seen as very valuable for Muslims and it should be fully developed. This development is to continue the continuity of wakaf in benefiting the community through the proceeds of wakaf distributed in a planned manner. This study aims to identify the laws related to the distribution of waqf benefits according to the law and its practices in the Islamic world. This study uses a qualitative approach that is the analysis of the content of reading material related to the distribution of waqf benefits according to the Shariah perspective. The findings of the study show that the distribution of wakaf benefits can be realized optimally with the existence of an efficient wakaf administrative institution and in accordance with the guidelines set by the syariah. This study can help the community understand the importance of the existence of waqf administration institution, namely MAIN to ensure the continuity of distribution of waqf benefits in Malaysia.

---

### WAKAF MENURUT FUQAHA

Berdasarkan definisi yang diberikan oleh para ilmuan fikah, dapat disimpulkan bahawa harta wakaf itu mestilah mempunyai ciri-ciri berikut, (Baharuddin Sayin, Asmak Hj. Ali, S. Salahudin Suyurno., 2006) iaitu sebelum mewakafkan harta perlu dipastikan pemilik harta itu

jelas memiliki harta tersebut. Harta wakaf itu mesti bersifat memberi manfaat dan keuntungan pada masa ia diwakafkan ataupun pada masa akan datang. Harta wakaf tersebut mesti kekal pada ain fizikalnya dan harta yang diiktirafkan sebagai bernilai oleh Syarak serta ia tidak diharamkan dalam Syariat. Harta wakaf tersebut boleh digunakan untuk faedah umum mahupun khusus dan ia tidak dibenarkan untuk tujuan di luar dari batasan Syarak.

Harta wakaf yang tidak disebut secara khusus penggunaannya, maka ia boleh dibelanjakan serta digunakan hasil dan manfaatnya di jalan kebajikan yang bersesuaian dengan landasan Syariat.

Dapat disimpulkan bahawa wakaf merupakan amalan sunat yang sangat digalakkan kerana fungsinya adalah untuk mendekatkan diri dengan Allah dan merupakan amalan jariah serta mendapat ganjaran pahala yang tidak terputus sehingga ke hari akhirat. Disamping itu ia merupakan amalan yang amat bermanfaat dalam membantu menghidupkan ekonomi umat Islam. Harta tersebut dihentikan hak pindah milik selepas keputusan pemiliknya adalah untuk mewakafkan harta tersebut, bermaksud ia tidak boleh dijualbeli, diderma, dihadiahkan, disedekahkan dan diwarisi serta mewarisi. Pengurusan terhadap harta tersebut hendaklah sehingga ia diusahakan bagi mengeluarkan hasil agar dapat diagihkan keuntungan dan manfaat itu kepada individu lain mahupun perkumpulan yang memerlukannya. Pengurus yang diamanahkan kepadanya harta wakaf ini mestilah dari kalangan orang yang adil, amanah serta tidak mengambil apa-apa yang tidak sepatutnya dari bahagian harta wakaf ini mahupun hasilnya.

Beberapa mazhab berbeza pendapat pada meletakkan syarat sesuatu aset wakaf tersebut. Namun, mereka bersepakat bahawa dua elemen penting yang perlu ada dalam wakaf adalah pengkalan bentuk asal aset wakaf dan pengagihan manfaatnya kepada penerima manfaat wakaf.

Dalam konteks semasa pula, definisi yang menyeluruh dan komprehensif mengenai wakaf boleh diambil daripada Majlis Penasihat Syariah bagi *Accounting and Auditing Organization for Islamic Financial Institute* (AAOIFI) yang mendefinisikan wakaf seperti yang berikut: “Membuat sesuatu harta yang bebas daripada apa-apa pelupusan yang boleh

*membawa kepada pemindahan pemilikan dan menderma manfaat harta wakaf tersebut kepada penerima manfaat wakaf” (AAOIFI, 2010)*

Kesimpulannya, wakaf mestilah ditetapkan cirinya berdasarkan asas Syarak, namun tidak dinafikan bahawa penyampaiannya sampai kepada masyarakat dalam pelbagai cara faham mengikut kemampuan fuqaha tertentu bagi memaksudkannya. Oleh itu, ia perlu dilaksanakan mengikut kesesuaian keadaan asalkan ia tidak tersasar jauh dari konsep asas iaitu mengekalkan bentuk zatnya sama ada harta mudah alih atau harta tidak alih (harta *manqul* dan *aqar*) serta manfaatnya boleh diagihkan kepada golongan yang memerlukan.

### **AGIHAN MANFAAT WAKAF**

Menurut carian yang dilakukan di laman Pusat Rujukan Persuratan Melayu, Dewan Bahasa dan Pustaka, agihan berasal daripada perkataan agih yang bermaksud bahagi; beri, perkataan agihan pula adalah bermaksud apa yang diagihkan atau dibahagikan (Dewan Bahasa dan Pustaka, 2022). Manakala perkataan manfaat pula bermaksud sesuatu yang mendatangkan kebaikan; guna; faedah (Dewan Bahasa dan Pustaka, 2022). Agihan yang akan dibincangkan adalah agihan hasil daripada harta wakaf yang dibangunkan ataupun manfaat daripada harta wakaf itu sendiri. Hasil bermaksud segala sesuatu yang didapati atau diperolehi (Dewan Bahasa dan Pustaka, 2022).

Apabila menjelaskan tentang agihan manfaat wakaf, pengkaji ingin membawa pembaca melihat kepada pihak yang bertanggungjawab dalam menjalankan tugas ini sehingga ia dilihat sebagai keperluan bagi memastikan pembangunan harta wakaf dilakukan bagi membuahkan hasil manfaat daripada harta wakaf tersebut serta menyusun proses agihan manfaat kepada masyarakat secara terancang.

### **SEJARAH AGIHAN MANFAAT WAKAF**

Berdasarkan sejarah, wakaf merupakan mekanisme agihan kekayaan dalam ekonomi umat Islam. Pelbagai bentuk agihan manfaat wakaf telah dilakukan sejak dari zaman Rasulullah SAW sehingga ke hari ini. Antara manfaat wakaf tersebut adalah dalam bentuk penyediaan

pendidikan kepada masyarakat, pusat kesihatan, tempat ibadat serta menyediakan kemudahan jalan raya, jambatan dan sebagainya. (Huq, 1993)

Berdasarkan sejarah, wakaf merupakan mekanisma agihan kekayaan dalam ekonomi umat Islam. Pelbagai bentuk agihan manfaat wakaf telah dilakukan sejak dari zaman Rasulullah SAW sehingga ke hari ini. Antara manfaat wakaf tersebut adalah dalam bentuk penyediaan pendidikan kepada masyarakat, pusat kesihatan, tempat ibadat serta menyediakan kemudahan jalan raya, jambatan dan sebagainya. (Huq, 1993)

Di zaman Rasulullah SAW, seperti yang dilakukan oleh *bani Najjar* dengan mewakafkan sebuah kebun untuk dibina masjid di atasnya, dan sehingga ke hari ini kita dapat melihat masjid tersebut yang telah di bina oleh nabi SAW itu bergelar masjid Nabawi, telah dimanfaatkan oleh setiap orang yang melakukan aktiviti ibadat di dalamnya. Bentuk agihan manfaat wakaf ini merupakan penyediaan tempat atau bangunan khusus untuk masyarakat melakukan ibadat dan pusat bagi menjalankan aktiviti-aktiviti tertentu. (Amir, 2009) 'Uthman bin 'Affan juga telah melakukan kebajikan kepada umat Islam dengan menjadikan telaga *al-Raumah* yang telah diwakafkannya sebagai sumber bekalan air utama untuk umat Islam di Madinah pada ketika itu. Bentuk agihan jenis ini adalah memberi kemudahan air kepada masyarakat, serta memenuhi keperluan asas kaum muslimin pada zaman itu.<sup>1</sup>

Jika ditinjau pada zaman Kerajaan 'Uthmaniyyah pula, melalui wakaf wang yang dilaksanakan pada masa itu dapat menjana hasil sehingga mampu menyediakan pelbagai bentuk agihan manfaat wakaf. Antaranya merupakan penyediaan kemudahan kesihatan, pendidikan, dan lain-lain aktiviti kebajikan yang bermanfaat kepada masyarakat. (Cizakca, 1995) Pelaksanaan wakaf wang dengan berkonsepkan pengekalan modal asal yang telah diwakafkan, dan hanya hasil dan keuntungan daripada perlaburan tersebut sahaja disalurkan kepada penerima agihan manfaat wakaf. (Cizakca, 1995) Bentuk agihan manfaat wakaf tersebut adalah dalam bentuk perbelanjaan urusan pentadbiran wakaf, pendidikan, makanan, keluarga pewakaf, institusi keadilan, perbelanjaan untuk penyelenggaraan harta wakaf, masjid, sewa, keagamaan, sosial, cukai dan nazir wakaf. (Cizakca, 1995) Sejarah juga telah

---

<sup>1</sup> Muhammad Bin Isa. 1975. *Jami' As-Sahih Sunan Attirmizi*. J. 5. *Kitab mal-manaqib. Bab fi manaqib 'Uthman Bin Affan* r.a. hadis 3705. Hlm. 627.

membuktikan wakaf pada zaman Kerajaan 'Uthmaniyyah berperanan menjaga keselamatan, memajukan ekonomi dan membina kekuatan pertahanan serta memperkasakan tamadun Islam seperti wakaf yang pengasasnya Hasan Pasha di Antakya pada 1705 bertujuan memastikan pedagang, Jemaah haji dan umrah serta musafir lain terjamin keselamatan mereka dengan menyediakan jalan khusus. Gaji yang dibayar kepada anggota tentera yang memberi perlindungan di jalanan tersebut dibiayai sepenuhnya daripada hasil wakaf.

Sehingga kini, hasil manfaat daripada harta wakaf di Turki disalurkan untuk membangunkan infrastruktur kemudahan seperti hospital, sekolah-sekolah, universiti, perumahan penduduk, ladang-ladang pertanian dan lain-lain. Contohnya, mereka menyediakan sebuah hospital wakaf untuk pesakit miskin, dibiayai daripada hasil bernilai tinggi daripada tanah ladang zaitun yang diwakafkan di Edremit dan wakaf di Tasik Terkos. (Cizakca, 1995)

Demikian juga, selain bertujuan amal kebajikan, wakaf pernah membiayai pembinaan jalan raya, jambatan, pusat perdagangan dan pembinaan masjid dengan seni bina tersegam indah dengan identiti unik Islamik Turki, dimungkinkan terutamanya menerusi institusi wakaf. Wakaf bukan sahaja bertujuan menyempurnakan amal jariah untuk kebajikan manusia, malahan antara amalan Turki yang dilakukan termasuk membantu muda-mudi miskin mendirikan rumah tangga, menjaga keperluan pesakit miskin di rumah sendiri, menanam pokok di tebing sungai, memberi makanan kepada burung bangau stork, membantu pedagang dan pengusaha yang muflis dan membekalkan kasut kepada pelajar miskin. (Cizakca, 1995)

Singapura juga boleh dijadikan contoh, pelaksanaan agihan manfaat wakafnya yang bermula dengan kutipan caruman sebanyak \$2-\$11.50 sebulan daripada 170,000 orang pekerja Islam yang telah berjaya mengumpul sebanyak \$6 juta pada setiap tahun. Di Singapura juga telah diwujudkan AMLA (The Administration of Muslim Law) pada tahun 1965 yang mana ia lebih dikenali sebagai Majlis Ugama Islam Singapura (MUIS). Institusi ini bertanggungjawab mengelola serta mengurus tadbir harta wakaf di Singapura. Mereka telah mengatur strategi bagi mengembangkan harta wakaf secara efisien, dengan melangsungkan beberapa projek jangka panjang termasuklah pelaburan. (Sulaiman, 2012) Hasil daripada projek tersebut MUIS telah mensasarkan agihan kepada beberapa sektor terpilih, antara sektor yang menerima agihan manfaat wakaf di Singapura adalah keagamaan, pendidikan dan sosial, contohnya; Majlis

Ugama Islam Singapura (MUIS) mengagihkan hasil manfaat wakaf kepada masjid-masjid, sekolah-sekolah agama, orang miskin, pengebumian bagi individu yang memerlukan dan pertubuhan-pertubuhan amal. (Karim, 2006)

Brunei Darussalam juga tidak terlepas daripada menjalankan aktiviti ibadat wakaf bagi melahirkan suasana berkebakjikan. Kerajaan Brunei telah mewujudkan undang-undang bagi pentadbiran wakaf dan Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB) dilantik sebagai pengurus dan pemegang amanah terhadap harta wakaf di negara tersebut. Harta wakaf di Brunei terbahagi kepada dua iaitu wakaf am dan wakaf khas, dan terpecah kepada dua bentuk sama ada berdaftar ataupun tidak berdaftar. Di antara contoh harta wakaf tersebut adalah buku-buku agama, kitab suci Al-Quran, tanah, peralatan komputer, bangunan-bangunan, wang tunai yang diwakafkan bagi pembinaan masjid, kelengkapan masjid seperti kipas angin, kenderaan jenazah, alat pendingin hawa, dan sebagainya. Mereka mengembangkan harta wakaf tersebut untuk mendapatkan hasil melalui penyewaan bangunan yang mereka bina di atas tanah wakaf serta hasil pelaburan. Hasilnya mereka akan agihkan kepada penggunaan yang berunsurkan kebajikan untuk rakyat Muslim Brunei itu sendiri. (Yusof, 2017)

Di United Kingdom (UK), terdapat beberapa bentuk wakaf untuk membantu umat Islam di seluruh dunia yang dikendalikan oleh satu pertubuhan (Islamic Relief), antaranya adalah wakaf air, wakaf kesihatan, wakaf pendidikan, wakaf anak yatim, wakaf bantuan kecemasan, wakaf korban, wakaf pendapatan bergenerasi dan wakaf dana masa hadapan. Pertubuhan ini telah menguruskan agihan hasil daripada wakaf tersebut kepada kanak-kanak Palestin, mangsa perang di Bosnia, rakyat miskin di Bangladesh, Mali, Sudan dan lain-lain. (Islamic Relief, 2015)

Pemerintahan Saudi Arabia telah menyerahkan urusan tadbir wakaf kepada suatu badan yang dinamakan Kementerian Haji dan Wakaf yang berfungsi untuk menjaga harta wakaf agar tetap terpelihara serta menghasilkan dana yang dapat dimanfaatkan bagi yang berhak. Kementerian ini juga mempunyai kewajipan untuk mengembangkan dan mengimarahkan wakaf sesuai dengan syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh *wakif* (pewakaf). Majlis Tinggi Wakaf diketuai oleh Menteri Haji dan Wakaf, iaitu menteri yang mengawasi dan menguasai permasalahan-permasalahan perwakafan sebelum dibentuk Majlis Tinggi Wakaf. Wakaf yang

ada di Saudi Arabia terdiri daripada hotel, tanah, bangunan (rumah) untuk penduduk, kedai-kedai, kebun, tempat ibadah dan lain-lain. Walaupun terdapat berbagai jenis wakaf tersebut ada yang sebahagiannya diwakafkan untuk dua kota suci yakni di kota Mekah dan Madinah. Pemanfaatan hasil wakaf yang terutama adalah untuk memperbaiki dan membangun wakaf yang sedia ada agar wakaf tersebut kekal dengan tetap melaksanakan syarat-syarat yang diletakkan pewakaf. Gambaran ini menunjukkan bahawa pada dasarnya pemanfaatan wakaf yang diamalkan tetap mengambil kira tujuan pewakaf.

Pengembangan dalam memproduktifkan harta wakaf untuk kepentingan umum juga tidak diketepikan. Sebagai contoh, pemerintah membantu dua kota suci Makkah dan Madinah dengan memberikan manfaat hasil wakaf terhadap segala urusan yang ada di kota tersebut. Hal ini dilakukan untuk mengoptimumkan lagi pemanfaatan hasil pengembangan wakaf dan seterusnya dibangunkan perumahan untuk penduduk. Umum mengetahui bahawa kerajaan Saudi memiliki kekayaan melimpah ruah hasil mempunyai telaga minyak yang cukup produktif, namun hasil pengembangan wakaf sahaja sudah mencukupi untuk menampung segala keperluan yang diperlukan. Kementerian Haji dan Wakaf banyak membangunkan projek-projek pembinaan hotel-hotel dan tanah wakaf yang terdapat di Makkah al-Mukarramah terutama yang berada hampir dengan Masjid al-Haram. Projek-projek pengembangan wakaf lain yang juga diutamakan adalah pembangunan perumahan penduduk di sekitar Masjid Nabawi. Di samping itu, pembinaan kedai-kedai dan perdagangan didirikan untuk membantu keperluan Jemaah haji dan orang-orang yang pergi melakukan ziarah di Madinah.

Sebagai sebuah negara yang sudah cukup lama mengelola harta wakaf, Mesir telah berhasil mengembangkan wakaf untuk perkembangan ekonomi umat. Antara faktor-faktor yang menjadi pendukungnya adalah: Pertama, pihak pengelola wakaf yang menyimpan hasil wakaf khairi di bank sehingga dapat berkembang. Kedua, untuk pembangunan ekonomi umat, pemerintah khususnya di pengurusan wakaf turut menyertai dalam mendirikan bank syariah. Ketiga, pengurusan wakaf melakukan kerjasama dengan pihak lain sebagai penanam modal untuk fabrik, pusat rawatan Islam, pemeliharaan ternakan, bank untuk perumahan dan bangunan dan lain-lain.

Di samping itu, dalam rangka pengembangan dana wakaf, pengurusan wakaf tidak hanya melaburkan sahamnya dalam skala besar tetapi juga melibatkan pelaburan saham yang berskala kecil. Misalnya, membantu permodalan usaha kecil dan menengah serta membantu kumpulan yang memerlukan, menjaga serta memelihara kesihatan masyarakat melalui penubuhan pusat rawatan dan penyediaan ubat-ubatan dan poliklinik, mendirikan tempat-tempat ibadah dan lembaga pendidikan serta ikut serta dalam pengembangan ilmu pengetahuan dan kebudayaan.

Dengan demikian terlihat jelas bahawa impak yang dibawakan oleh pentadbiran wakaf di Mesir diurus tadbir secara serius dan produktif oleh badan wakaf yang dibentuk oleh pemerintah dalam rangka membantu kepentingan masyarakat dalam bidang sosial, agama, pendidikan, ekonomi dan pengembangan ilmu pengetahuan. Pengurusannya juga terdiri dari tenaga-tenaga yang professional dan sistem peraturan yang mudah untuk diaplikasikan.

Kita akan menyaksikan penambahan cara pengembangan harta wakaf yang kreatif dan berinovasi sekiranya institusi wakaf di tempat masing-masing membangunkan kepakaran yang ada di sekeliling mereka. Maka dengan usaha yang gigih dan pengaturan yang cekap serta bijak dalam menguruskan harta wakaf akan dapat merealisasikan agihan manfaat wakaf yang optimum serta dapat mensasarkan kepada seluruh sektor dalam masyarakat.

### **Pengurusan Agihan Manfaat Wakaf**

Institusi wakaf menjadi satu perkara penting yang perlu wujud dalam pengurusan agihan manfaat wakaf ini. Agihan manfaat wakaf ini tidak akan berlaku dengan baik sekiranya tidak ada orang yang bertanggungjawab untuk melakukan pengagihan ini. Ia sesuai dengan perbuatan 'Umar al-Khatib yang telah melantik Hafsa anaknya sebagai pengurus harta wakaf selepas peninggalannya. (Mek Wok Mahmud, Nor Amni Bazilah Mohd Zain, 2019)

Di Kuwait terdapat satu kementerian yang membentuk Lembaga wakaf bagi menguruskan pentadbiran wakaf dan ianya dipacu oleh kuasa di peringkat pusat. Pada asalnya Kuwait bermula dengan majlis pengurusan wakaf sahaja pada tahun 1949. (Nur Azizah Latifah, Mulyono Jamal, 2019)



Tinjauan di Mesir juga turut menggunakan kuasa di peringkat pusat bagi mengendalikan Kementerian Awqaf bagi melaksanakan segala urusan pentadbiran wakaf dalam membangunkan aset wakaf serta menyerahkan hasil serta manfaatnya kepada Kementerian Awqaf untuk disalurkan dalam bentuk kebajikan kepada rakyat. (Mu'allim, 2015)

Oleh itu, wajarlah kewujudan institusi wakaf yang berperanan dalam setiap negeri di Malaysia ini. Undang-undang pentadbiran Islam di negeri-negeri juga memperuntukkan bahawa pihak Majlis Agama Islam negeri-negeri adalah pemegang amanah tunggal bagi harta-harta wakaf. Jika dilihat dari sudut pandang syarak juga, dibolehkan pewakaf melantik dirinya sendiri sebagai pentadbir wakaf (mutawalli/ nazir) atau dia juga boleh melantik orang lain ataupun pihak pewaris sendiri sebagai pentadbir wakaf berkenaan Wakaf. Bahkan menurut mazhab Maliki dan Syafi'I, sekiranya pewakaf tidak melantik sesiapa bagi mengendalikan urusan harta yang hendak diwakafkannya, maka hak mentadbir berpindah kepada mahkamah (kadi) yang mempunyai bidang kuasa am. (Rahman, 2014)

### **Pengagih Manfaat Wakaf**

Institusi pentadbiran wakaf merupakan elemen penting dalam pengagihan hasil dan manfaat harta wakaf. Terdapat kelemahan dalam sistem pengurusan wakaf cara tradisional sebelum ini, antaranya adalah tidak adanya bukti bertulis berkenaan dengan harta yang diwakafkan itu. Perkara ini mengundang pelbagai masalah seperti harta wakaf yang tidak didaftarkan dan masih kekal di atas nama pewakaf. Akibatnya, jika berlaku kematian pewakaf maka harta wakaf tersebut tidak diketahui oleh pihak lain akan statusnya dan menyebabkan tanah tersebut kadang-kadang dituntut semula oleh waris. Oleh itu, kewujudan institusi wakaf dilihat sangat diperlukan dalam memberi penyelesaian berkaitan urusan pentadbiran wakaf demi kemaslahatan masyarakat umum. (Ahmad, 2011)

Islam juga mementingkan pentadbir harta wakaf yang berperanan sebagai pihak yang diberi kuasa penuh oleh pemerintah atau pewakaf itu sendiri bagi memastikan harta wakaf tersebut dikendalikan secara berkesan serta berlandaskan ketetapan Syarak. (Resab, 2014)

## Pentadbir dan Pengagih Wakaf, Menurut Pandangan Fuqaha

Para fuqaha bersepakat menyatakan bahawa wakaf perlu diurus tadbir oleh mutawalli atau nazir wakaf. Ia bukan hanya boleh dilantik oleh kerajaan, bahkan pewakaf itu sendiri juga mempunyai hak untuk melantik pemegang amanah terhadap harta yang ingin diwakafkan (Siti Umairah Ali Hamdan, Siti Mashitoh Mahamood, 2016). Seorang *al-mutawalli* hendaklah berhati-hati dalam mentadbir dan menguruskan harta amanah ini kerana ia berdepan dengan kepentingan dan hak masyarakat di dalamnya (Al-Khatib, 1958). Tugas-tugas utamanya adalah memelihara dan memastikan harta wakaf berada dalam keadaan baik dan sempurna, cuba mendapatkan keuntungan untuk harta ini, mengutip hasil wakaf dan seterusnya mengagihkannya kepada penerimanya yang berhak serta memeliharanya daripada sebarang kehilangan dan kerosakan. (Al-Ramli, 1967)

### Syarat dan Tugas al-Nazir

Menurut Ibn Manzur di dalam kitabnya *Lisan al-‘Arab* menyatakan bahawa *al-nazir* (الناظر) adalah *al-hafiz* (الحافظ) yang bermaksud seseorang yang menjaga, memelihara, mengelola dan mengawasi. (Manzur, 1990) Manakala, dari sudut istilah, para fuqaha memberi maksud kepada *nazir* adalah seseorang yang berkuasa terhadap seluruh hal ehwal wakaf, berperanan sebagai wakil pewakaf dan wasiatnya setelah dia meninggal dunia. (‘Abidin, 1966) Iaitu orang yang diserahkan kuasa dan berkewajipan untuk mengurus dan memelihara harta wakaf. (al-Ramli, 1996) Ia juga bermaksud orang, kumpulan, badan atau organisasi yang mengendalikan harta wakaf seperti yang diamanahkan serta mengurustadbir sebaik-baiknya mengikut kesesuaian tujuan wakaf itu diwujudkan. (Ali, 1988)

Al-Nazir perlu dilantik dari kalangan orang yang adil, berkemampuan dan Muslim. Ia adalah bagi memastikan orang yang melakukan proses pengurusan ke atas harta wakaf sehinggalah hasilnya diagihkan tidak dipengaruhi oleh perkara yang dilarang oleh Islam. (Al-Zuhaily, 1999) Berkemampuan pula ialah boleh menunaikan perkara yang telah diamanahkan, dengan kemahiran yang ada pada al-nazir dalam melaksanakan tanggungjawab pengurusan harta wakaf. Selain itu, syarat yang perlu ada pada orang yang berkemahiran ini (al-nazir) adalah berakal dan baligh. (Muhammad Subari bin Ramli, Marliana binti Abdullah, 2014)

Namun kemahiran yang diperkatakan ini tidak hanya fokus kepada jantina tertentu, semua orang yang berkelayakan dalam urusan wakaf ini perlu dipilih dan diangkat seperti yang dilakukan oleh Saidina Umar al-Khattab menyerahkan tanggungjawab pengurusan wakaf kepada anaknya, Hafsa selepas kematiannya.

Ikrimah Sa'id Sobry menyatakan, kerja pengurusan ini termasuklah menjaga, membaikpulih, menyelenggara, membangun, mengurus hasil, mengagih kepada penerima wakaf dan segala bentuk kerja dan usaha yang mampu mengekalkan sumber harta wakaf serta meningkatkan penghasilan manfaatnya kepada penerima. (Sobry, 2011) Dapat difahami bahawa tugas *al-Nazir* adalah melaksanakan segala tuntutan dan permintaan yang telah dibuat oleh pewakaf ke atas harta yang diwakafkannya itu, selagi ia selaras dengan masalah yang digariskan syarak, maka ia perlu dilaksanakan.

### **Autoriti al-Nazir**

Ahmad Mahmud menjelaskan, pada asasnya *al-nazir* hanyalah merupakan wakil kepada pewakaf yang diberi autoriti untuk menguruskan harta wakafnya. Beliau menambah, kronologi autoriti ini bermula daripada diri pewakaf, seterusnya kepada al-nazir (wakil yang dilantik) dan kemudian barulah kepada autoriti umum iaitu pihak institusi atau kerajaan. Dengan itu, pihak pewakaf boleh menamakan dirinya sendiri sebagai al-nazir kepada harta wakafnya, sama ada ia diselia secara bersendirian atau melantik penyelia bersama, atau menyerahkannya secara total kepada kerajaan untuk menguruskannya. (Mahmud, 2000)

Pelantikan al-nazir adalah berdasarkan pilihan dan kehendak pewakaf sendiri sama ada dalam kalangan ahli keluarga atau orang lain. (Al-Jurjani, 2008) Namun begitu, autoriti ini akan terbatal sekiranya ditarik balik oleh pewakaf, hilang kelayakan asas *al-nazir*, atau disabitkan dengan kesalahan menyalahguna atau menyeleweng harta wakaf. Begitu juga sekiranya pihak pemerintah melihat terdapat darurat atau masalah yang lebih besar untuk menggantikan al-nazir yang dilantik pewakaf, maka autoriti ini akan beralih kepada autoriti umum iaitu pihak pemerintah. (Al-Kardy, 1999)

Dalam konteks hari ini, institusi wakaf merupakan al-nazir yang diberi autoriti oleh pihak kerajaan untuk menguruskan harta wakaf. Secara automatik juga, autoriti ini

merangkumi pengurusan harta wakaf yang tidak ditentukan *al-nazirnya* oleh pewakaf, *al-nazir* yang cuai atau tidak menjalankan tugas atau sebagainya. Dalam konteks Malaysia hari ini, sesebuah institusi rasmi wakaf akan beroperasi sama ada sebagai lembaga, perbadanan, syarikat atau jabatan di bawah MAIN dan ia tertakluk dengan pelbagai akta dan peruntukan undang-undang yang berkaitan dengan status penubuhan, bidang kuasa, operasi dan pentadbiran dan sebagainya. Malah ia juga dipandu dengan pelbagai garis panduan yang disediakan oleh pihak JAWHAR.

## KESIMPULAN

Dapat disimpulkan bahawa kewujudan Majlis Agama Islam Negeri adalah menepati syariat dan memenuhi syarat sebagai *mutawalli/ nazir* bagi mengendalikan harta wakaf. Entiti ini merupakan medium penting untuk mengelola serta mentadbir harta wakaf, maka kewujudannya amat perlu bagi menjalankan kewajipan ke atas harta wakaf secara tersusun dan praktikal. Selaras itu, ekonomi umat Islam dapat berkembang sesuai dengan zaman yang serba mencabar serta kian menekan umat Islam.

Bagi membangunkan harta wakaf secara komprehensif, pengkaji mencadangkan supaya diwujudkan pelbagai kerjasama antara pihak MAIN dan organisasi lain. Kerjasama yang berstrategi serta terancang akan memesatkan lagi pembangunan harta wakaf masa kini. Di samping itu, pemerksaan peranan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) juga merupakan aspek penting bagi melibatkan pembangunan bandar yang bertamadunkan Islam dalam mengagungkan wakaf.

Dalam pada itu, terdapat pihak-pihak yang mengambil kesempatan dengan mengumpul dana dari masyarakat awam atas nama wakaf, tetapi didselewengkan atau pengurusannya dalam membangunkan harta wakaf dan mengagihkan manfaatnya menyalahi konsep keadilan syarak. Secara tidak langsung mereka mengganggu kerja-kerja pihak MAIN dalam menguruskan wakaf dan mereka sepatutnya mendapatkan keizinan daripada MAIN terlebih dahulu untuk mengumpul dana wakaf dan menguruskannya. Perkara ini perlu dibanteras melalui undang-undang yang sedia ada, supaya anggota masyarakat mengambil pengajaran

serta lebih cakna bahawa MAIN adalah organisasi tunggal yang diamanahkan untuk mengendalikan semua perkara berkaitan wakaf dalam setiap negeri.

Kajian yang perlu dilakukan pada masa hadapan adalah berkisarkan prospek pengembangan harta wakaf dengan menggabungkan pelbagai elemen kontrak dalam muamalat Islam. Perlu juga kepada kajian berkaitan pelbagai model wakaf yang berkeupayaan untuk diimplemenkan di bandaraya dalam Malaysia.

### **Bibliografi**

- 1997 *Pembangunan Harta Wakaf: Kajian Khas Pelaksanaan Wakaf dalam Menyelesaikan Masalah Ekonomi Umat Islam*, Tesis Sarjana Pengajian Islam Bangi Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- 2002 *Pengurusan Harta Wakaf* Skudai Universiti Teknologi Malaysia.
- 2015 *Amalan Pengurusan Wakaf Tunai Di Negeri Terengganu*, Desertasi Sarjana Bangi Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia
- Baharuddin Sayin, Asmak Hj. Ali, S. Salahudin Suyurno. 2006 *Pengenalan Kepada Konsep Wakaf Dalam Islam* Shah Alam Pusat Penerbitan Universiti (UPENA)
- 2010 *AAOIFI Standard, Standard 33, item 2/1, hlm.571.*  
Dewan Bahasa dan Pustaka  
Dewan Bahasa dan Pustaka  
Dewan Bahasa dan Pustaka
- 1993 *Development and Distribution in Islam* Petaling Jaya: Pelanduk Publications
- 2009 *Sistem Politik Islam Di Zaman Nabi Muhammad S.A.W* *Jurnal Usuluddin, Bil 29.* 220
- 1995 *Cash Waqfs of Bursa, 1555-1823* *Journal of the Economic and Social History of the Orient. Leiden: E.J.Brill, v.38, part 3 (August 1995)* 313
- 2012 *Isu Pembangunan Wakaf Menggunakan Struktur Amanah Pelaburan Hartanah Islam di Malaysia: Satu Tinjauan* *Jurnal Kanun, J. 24 Bil. 2.* 164-165
- 2006 *Pengalaman Majlis Agama Islam Singapura Dalam Pengurusan Harta Wakaf* *Konvensyen Wakaf 2006* Kuala Lumpur
- 2024 *Kejayaan Institusi Waqaf Kontemporari di Beberapa Buah Negara Islam* *Seminar Waqaf Penjana Ekonomi Ke Arah Pembangunan Ummah, Klinik Waqaf An-Nur* 24-26

Memasyarakatkan Wakaf Di Brunei Darussalam; Realiti Dan Cabaran 2017 *Asean*

*International Conference On Islamic Finance (5th Aicif), At Bandar Seri Begawan*

*Brunei Bandar Seri Begawan*

*Islamic Relief*

Mek Wok Mahmud, Nor Amni Bazilah Mohd Zain 2019 PERANAN WANITA DALAM

WAKAF: KEPERLUAN DARI SUDUT MAQASID SYARIAH *Jurnal Penyelidikan*

*Islam dan Kontemporari (JOIRC) Volume: 2 Issues: 3 [June, 2019] 17*

Nur Azizah Latifah, Mulyono Jamal 2019 Analisis Pelaksanaan Wakaf di Kuwait, Vol. 6,

No.1 *Jurnal Zakat dan Wakaf (ZISWAF) 11-13*

PENGARUH PENGELOLAAN WAKAF DI MESIR TERHADAP PENGELOLAAN

HARTA WAKAF PENDIDIKAN DI INDONESIA *Rumah Jurnal IAIN Metro*

*(Institut Agama Islam Negeri) 105-119*

*Buhuth wa Fatawa Fiqhiyyah Mu'asarah* 1999 Bayrut Dar al-Basyair al-Islamiyyah

, *al-Tahrir Fi Furu' al-Fiqh al-Syafi'i* 2008 Bayrut Dar al-Kutub al-Ilmiyyah

*Al-Wasiyah wa al-Waqf fi al-Fiqh al-Islamiy* 2000 Bayrut Al-Dar al-Jam'iyyah

*Al-Waqf al-Islamiy Bayn al-Nazariyyah wa al-Tatbiq, Cet. 2* 2011 Jordan Dar al-Nafais

Muhammad Subari bin Ramli, Marliana binti Abdullah 2014 Penentuan Kadar Ujrah Al-

Nazir Dalam Pengurusan Wakaf *International Research Management and Innovation*

*Conference 2014 (IRMIC 2014) KL Kuala Lumpur*

*Al-Fiqh al-Islami wa Adillatuhu* 1999 Bayrut Dar al-Fikr

*Nihayah al-Muhtaj ila Sharh al-Minhaj, last edition, vol. 5* 1967 Egypt Mustafa al-Babi al-

Halabi wa Awladuh

*Mughni al-Muhtaj ila Ma'rifah Ma'ani Alfaz al-Minhaj, vol. 2* 1958 Egypt Mustafa al-Babi al-

Halabi wa Awladuh

Siti Umairah Ali Hamdan, Siti Mashitoh Mahamood 2016 Aplikasi Prinsip Berkekalan Wakaf

Di Institusi Pengajian Tinggi Terpilih: Perspektif Perundangan, a, 2016, hlm.

[http://umijms.um.edu.my/Journal\\_of\\_Shariah\\_Law\\_Research\\_\(JSLR\)\\_Vol.\\_1231-234](http://umijms.um.edu.my/Journal_of_Shariah_Law_Research_(JSLR)_Vol._1231-234)

*Sistem Ekonomi Islam, Zakat dan Wakaf* 1988 Jakarta UI Press

*Nihayah al-Muhtaj, j. IV* 1996 Bayrut Daar al-Kitab al-Alamiyah

*Rad al-Mukhtar 'ala al-Dur al-Mukhtar, vol. 4* 1966 Mesir Mustafa al-Bab al-Halabi

*Lisan al-'Arab, vol. 5* 1990 Bayrut Dar Sadr

*Sumbangan JAWHAR Dalam Pembangunan Wakaf Di Malaysia 2014* Bangi Fakulti Pengajian  
Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia

Institusi Wakaf dan Pembangunan Ekonomi Negara: Kes Pembangunan Tanah Wakaf di  
Malaysia 2011 *Prosiding PERKEM VI (2011)*, j. 1138-140.

*Pihak yang layak mengurus wakaf*